

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 16 TAHUN 1979

Tuan,

**KEMUDAHAN YANG BOLEH DITUNTUT OLEH PEKERJA-PEKERJA
SAMBILAN SEMASA DALAM TUGAS LUAR IBU PEJABAT**

Bahagian Perkhidmatan

Adalah dimaklumkan bahawa bagi maksud menikmati sesuatu kemudahan - kemudahan dalam perkhidmatan yang diberi, pekerja-pekerja sambilan adalah juga diletakkan, bergantung kepada kelayakan pengambilannya, dalam Bahagian Perkhidmatan sepertimana yang diduduki oleh pegawai-pegawai tetap dalam tanggagaji Tingkatan Biasa berasaskan kepada kelayakan di dalam Kumpulan Sekim-sekim perkhidmatan masing-masing seperti berikut:

Kumpulan gaji	Kelayakan		Bahagian
Kumpulan A	Ijazah Universiti dan Kelayakan Ikhtisas	...	Bahagian I
Kumpulan B	Diploma ataupun Sijil Tinggi Persekolahan	...	Bahagian II
Kumpulan C ...	Sijil Pelajaran Malaysia dan yang setaraf dengannya		Bahagian III
Kumpulan D ...	Sijil Rendah Pelajaran dan lain-lain kelayakan yang kurang dafipada Sijil		Bahagian III/IV (di mana berkenaan)

Kemudahan yang boleh dituntut

2. Berasaskan kepada taraf bahagian seperti tersebut di atas, pekerja-pekerja sambilan yang dikehendaki bertugas di luar Ibu Pejabat, dalam keadan yang sama seperti pegawai-pegawai tetap yang setaraf, adalah juga dibenarkan menuntut elaun-elaun dan kemudahan seperti di bawah ini:

Jenis elaun/Kemudahan	Kadar
(a) Elaun Makan	Mengikut kadar dan syarat-syarat kelayakan

... ..

(b) Elaun Harian
... ..

(c) Bayaran sewa Hotel dan Elaun
Lojing ...

(d) Elaun Hitungan Batu Perjalanan ...
... ..

(e) Elaun Basikal
... ..

yang ditetapkan dalam Pekeliling

Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1977

berasaskan kepada gaji sebulan yang dikira

mengikut formula gaji hari X 27 hari atau

mengikut kadar dan peraturan yang

ditetapkan dari masa ke semasa